

08 DEC 2002

Britain-Pelaburan/I

MALAYSIA TEMPAT TERBAIK UNTUK PELABURAN DAN KUNJUNGAN - DIPLOMAT BRITAIN

Oleh: M.Saraswathi

PUTRAJAYA, 8 Dis (Bernama) -- Malaysia ialah tempat terbaik untuk pelaburan dan percutian, kata Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia Bruce Cleghorn.

"Britain berpendapat Malaysia ialah tempat terbaik untuk menjalankan perniagaan dan percutian kerana negara ini mempunyai banyak sumber dan ahli perniagaan," katanya.

Beliau berkata pelaburan syarikat-syarikat Britain di Malaysia adalah sangat kukuh dan bagi tahun semasa, beberapa syarikat seperti Tesco telah melabur dengan banyak manakala kira-kira 250,000 rakyat Britain mengunjungi Malaysia setiap tahun.

Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd, anak syarikat pasar raya gedung yang beribu pejabat di United Kingdom, membuka cawangan pertamanya di Puchong dan cawangan keduanya di Melaka tahun ini serta merancang untuk membuka 20 cawangan lagi di seluruh Malaysia yang membabitkan jumlah pelaburan sebanyak RM1.2 bilion.

Sejak 10 tahun lepas, syarikat-syarikat Britain telah melabur kira-kira RM18 bilion di Malaysia, katanya kepada Bernama semasa ditemui pada majlis Rumah Terbuka Aidil Fitri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi wakil-wakil asing di kediaman rasminya di sini, semalam.

Tidak ada sebab mengapa rakyat Britain tidak harus datang bercuti ke Malaysia, kata Cleghorn.

"Sudah tentu kami memberikan mereka nasihat pelancongan berhubung langkah-langkah keselamatan yang harus diambil tetapi tidak dalam bentuk mereka tidak harus datang ke negara ini," katanya.

Cleghorn berkata dalam masa sebulan lepas, Suruhanjaya Tinggi Britain telah menghantar dua misi dagang ke Malaysia.

Menurutnya Suruhanjaya Tinggi Britain juga berminat untuk meneruskan pameran pendidikan tinggi tahunannya yang disertai oleh universiti-universiti terkemuka United Kingdom.

"Kami sangat berminat untuk terus menggalakkan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi Britain dan Malaysia.

"Kami mahu terus meningkatkan bilangan rakyat Malaysia yang belajar di United Kingdom," katanya.

Dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dua hala, Cleghorn berkata Suruhanjaya Tinggi Britain sering mengadakan perbincangan dan memberi taklimat kepada ahli perniagaan dan syarikat negara itu mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

-- BERNAMA

SM RV AAM NAK